



Ewon (tengah) bersama Mohd Nazlee (kiri) dan Timbalan Ketua Setiausaha (Sains) Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi, Dr Zulkifli Mohamed Hashim pada majlis **pelancaran 25 pati herba dan rempah** di Kuala Lumpur, semalam.

[FOTO SALHANI IBRAHIM/ BH]

MALAYSIA

BAKAL PENGELUAR PATI SEMULA JADI, BIOAKTIF GLOBAL

» *Kejayaan hasil kelompok pertama herba, rempah jadi pendorong*

Oleh Mahanum Abdul Aziz

mahanum_aziz@bh.com.my

Malaysia berada pada landasan kukuh untuk muncul sebagai pengeluar utama pati semula jadi dan bioaktif premium global susulan kejayaan penghasilan kelompok pertama 25 pati herba dan rempah tempatan.

Pati semula jadi itu dihasilkan dengan menggunakan teknologi menguraikan bendalir superkritikal (SFE) di Pusat Bendalir Superkritikal Universiti Putra Malaysia (UPM).

Penghasilan itu sekali gus membuka peluang kepada negara untuk meningkatkan lagi penerokaan pasaran kesihatan halal global.

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Dr Ewon Ebin, berkata teknologi SFE itu dibeli oleh Malaysian Biotechnology Corporation (BiotechCorp) pada tahun

2009 daripada Belanda sejajar dengan usaha untuk memacu aktiviti penyelidikan dan pembangunan (R&D) berkaitan pati semula jadi dan bahan bioaktif di negara ini.

Beliau berkata, pati semula jadi dan bahan bioaktif adalah komponen utama untuk menghasilkan produk kosmetik, penjagaan kesihatan, diri, kulit dan diet tambahan.

"Dalam Bajet 2015, sasaran ditetapkan untuk Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) mengkomersialkan 60 projek R&D setiap tahun bermula 2015, dengan jumlah keseluruhan 360 menjelang 2020.

"Dengan bantuan daripada peserta industri, platform teknologi SFE boleh memainkan peranan penting untuk mencapai sasaran itu," katanya pada majlis pelancaran 25 pati herba dan rempah dengan menggunakan teknologi SFE di Kuala Lumpur, semalam.

Bantu peladang tempatan

Ewon berkata, penghasilan pati semula jadi dan bahan bioaktif menerusi teknologi SFE itu bukan saja meningkatkan jumlah syarikat bioteknologi tempatan, malah ia turut membantu peladang tempatan menjana pendapatan lebih tinggi.

Beliau berkata, lanjutan usaha komersial pati semula jadi itu, ia akan mewujudkan peluang perniagaan kepada peladang atau

usahawan tani untuk menyediakan bahan mentah bagi menghasilkan pati semula jadi itu.

"Antara 25 pati semula jadi yang dihasilkan daripada teknologi SFE itu ialah pati kunyit, halia, limau purut, lada dan haruan.

"Pati yang dihasilkan itu adalah dalam bentuk minyak dan oleoresin yang sangat berharga," katanya.

Sementara itu, Ketua Pegawai Eksekutif BiotechCorp, Datuk Dr Mohd Nazlee Kamal, berkata Pusat Bendalir Superkritikal di UPM adalah antara kemudahan SFE terbesar di rantau ini dan mampu menampung operasi pra-pengkomersialan dan komersial.

Beliau berkata, kemudahan SFE itu mampu menampung pengeluaran 200 liter pati semula jadi dengan menggunakan karbon dioksida sebagai medium pati bermutu tinggi dan selaras dengan standard antarabangsa.

"Penghasilan pati semula jadi daripada teknologi SFE ini juga menyediakannya peluang kepada Malaysia untuk menembusi pasaran kesihatan global halal.

"Dari segi pendapatan, kami jangka teknologi superkritikal akan menjana RM1.3 juta tahun ini dan kami menyasar untuk mencapai RM14 juta pendapatan menjelang 2020," katanya, sambil menambah bahawa BiotechCorp melabur RM8 juta untuk membawa masuk teknologi SFE itu ke negara ini.